

Mutawatirah qiraat

Imam Hamzah

Bicara Qiraat

OLEH KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

IMAM Hamzah meninggalkan sejumlah murid yang meneruskan kesinambungan qiraatnya. Antara mereka ialah seorang ulama sufi yang terkenal iaitu Ibrahim bin Adham, Sufian al-Thauri dan ramai lagi yang sempat mengambil Qiraat dari Imam Hamzah.

Pernah dijelaskan, bahawa Imam Abu Hanifah yang hidup sezamannya memberi pujian dan menghormati kealiman Imam Hamzah dalam dua disiplin ilmu iaitu Faraid dan Qiraat.

Jika sekali mendengar Qiraat Hamzah melalui dua perawinya iaitu Khalaf dan Khallad, ramai yang akan tertanya adakah begini caranya Rasulullah SAW membaca al-Quran.

Persoalan yang diutarakan adalah kerana banyaknya perbezaan atau khilaf antara Imam Hamzah dengan Imam-Imam Qiraat yang lain.

Namun jika diteliti dengan tekun, kebanyakan khilaf dalam Qiraat Hamzah adalah pada kalimah yang sama khilafnya riwayat *Warsy* daripada Imam Nafei'. Umpamanya pada kalimah **شئ** *warsy* membaca dengan tawasut dan *Isyba'* dan Imam Hamzah pula membacanya dengan saktah.

Selain itu keraguan tentang cara bacaan Imam Hamzah juga boleh ditolak dengan pengakuan muridnya yang juga seorang ulamak terkenal iaitu Sufian al-Thauri dimana beliau pernah berkata Tidak lah Imam Hamzah membaca setiap huruf dalam al-Quran melainkan beralih dengan athar.

Menguatkan lagi hujah betapa sahihnya bacaan Imam Hamzah ialah apabila menekuni sanad bacaannya.



DI Malaysia masih terdapat guru-guru al-Quran yang mampu memberi tunjuk ajar Qiraat Tujuh. - Gambar hiasan

Antara sanadnya ialah Imam Hamzah mengambil al-Quran daripada Abi Abdullah Jaafar al-Sadiq yang mengambil dari ayahnya Muhammad al-Baqir yang mengambil dari ayahnya Abi al-Hasan Zainal Abidin yang mengambil daripada ayahnya Abi Abdillah al-Husain yang mengambil al-Quran daripada ayahnya Ali Ibn Abi Talib r.a. Dan seterusnya Ali Ibn Abi Tali r.a sudah tentu mengambil al-Quran daripada Rasulullah SAW.

Justeru semua fakta yang dikemukakan menunjukkan bahawa Qirat Imam Hamzah adalah *mutawatirah*.

Ibn Mujahaid yang meninggal pada tahun 324 hijrah, tidak teragak-agak memasukkan Qiraat Hamzah di kalangan senarai Qiraat Tujuh yang *mutawatirah*.

Pada hari ini, Qiraat Hamzah boleh dipelajari di pusat-pusat pengajian al-Quran dalam dan luar negara. Buku-buku rujukan untuk semua ilmu Qiraat adalah dalam bahasa Arab.

Malah, amat sedikit buku rujukan dalam ilmu qiraat ditulis dalam bahasa Melayu. Jika terdapat pun ia adalah nota atau kertas kerja yang ditulis dan dibentang dalam seminar al-Quran.

Walaupun begitu, di Malaysia masih terdapat guru-guru al-Quran yang mampu memberi tunjuk ajar Qiraat Tujuh. Niat dan harapan untuk mempelajari Qiraat Tujuh termasuk Qiraat Hamzah perlu ada khususnya kepada peminat ilmu qiraat termasuk guru-guru al-Quran.

Ibn Mujahaid yang meninggal pada tahun 324 hijrah, tidak teragak-agak untuk memasukkan Qiraat Hamzah di kalangan senarai Qiraat Tujuh yang mutawatirah